



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**DASAR PELAKSANAAN TAKWIM PEPERIKSAAN
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Dengan segala hormatnya merujuk kepada kelulusan Mesyuarat Senat Ke-204 Bil. 14/2022 bertarikh 24 November 2022 berkaitan dasar pelaksanaan takwim peperiksaan di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah bersetuju bagi dasar pelaksanaan takwim peperiksaan di UMP adalah dijalankan seperti berikut:-

- i. Pelaksanaan dasar ini **hanya terpakai bagi peperiksaan akhir semester** melibatkan program **prasiswazah dan pascasiswazah secara sepenuh masa** sahaja.
- ii. Secara dasarnya pelaksanaan peperiksaan akhir bagi setiap semester adalah bermula pada **hari Isnin sehingga Jumaat** pada minggu peperiksaan yang telah ditetapkan oleh universiti bagi semester berkenaan.
- iii. Pengecualian pelaksanaan peperiksaan akhir hanya diberikan pada **hari Sabtu, Ahad dan cuti umum sahaja**. Pelaksanaan peperiksaan akhir pada hari Jumaat adalah dijalankan seperti biasa atas justifikasi hari bekerja di negeri Pahang adalah pada hari Isnin hingga Jumaat.
- iv. **Bagi peperiksaan dalaman lain seperti ujian dan kuiz yang melibatkan kursus servis** seperti Matematik dan kursus yang mempunyai **jumlah pelajar yang ramai, ianya dibenarkan** untuk dilaksanakan pada **hari Sabtu dan Ahad dengan kebenaran daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**. Permohonan berkaitan perkara ini perlu dibuat seawal minggu pertama pengkuliahahan.
- v. Pelaksanaan dasar ini adalah berkuat kuasa **mulai Semester I Sesi Akademik 2022/2023**.

3. Kerjasama daripada pihak Fakulti/Pusat Pengajian dan semua pelajar dalam mengambil maklum dan tindakan berkaitan perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**Dikeluarkan oleh
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
5 Januari 2023**